

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, October 15, 2018 3:37 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUMCC Meriahkan Beris International MTB Jamboree – Rentas 18 Kampung, 33 Kilometer



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

15 OKTOBER 2018 / 06 SAFAR 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

UUMCC MERIAHKAN BERIS INTERNATIONAL MTB JAMBOREE – RENTAS 18 KAMPUNG, 33 KILOMETER



UUM ONLINE: Merentas 18 kampung sejauh 33 kilometer meliputi jalan *offroad* yang berbukit, ladang getah, sungai, selekoh tajam, *gon* dan hujan yang turun menyebabkan jalan becak, licin sehingga menyukarkan pergerakan.

Itu antara cabaran hebat yang dihadapi peserta dalam *Beris International MTB Jamboree*, Sik baru-baru ini.

Pengurus Basikal Universiti Utara Malaysia Cycling Club (UUMCC), Amirudin Hashim berkata, program anjuran Harlie Venture & Majlis Daerah Sik memberi peluang kepada peserta yang baru pertama kali merasai aktiviti seumpama ini.

Jelasnya , peserta melintasi 18 buah seperti Kampung Banggol Kiat, Kg. Sadu, Kg. Lubuk Bedil, Kg. Tanjung Setar, Kg. Tanjung Belit, Kg. Belimbing, Kg. Lubuk Tualang, Kg. Bendang Man selain Hutan Simpan Rimba Teloi.

“Pencapaian semua rider amat memberangsangkan sehingga berjaya meraih satu kedudukan podium, tahniah!

“Saya terharu dengan komitmen tinggi *riders* sepanjang latihan yang dijalankan misalnya latihan *cadence* banyak membantu untuk mengekalkan kelajuan dalam trek *off road*, manakala latihan mendaki Bukit Bunga Raya dan kayuhan ke Kuari Bukit Kachi banyak membantu meningkatkan stamina *riders*.

Jelasnya, *cadence* ialah kayuhan menggunakan gear ringan pada jarak yang jauh bertujuan untuk banyakkkan jumlah pusingan kayuhan.

“Bila kaki sudah biasa dengan kayuhan yang banyak insya-Allah laluan *off road* pun boleh kayuh dengan baik,” terangnya.

Beliau turut merakamkan ucapan terima kasih kepada MKSK atas sokongan yang diberikan selain menyeru lebih ramai staf UUM menjadi ahli UUMCC yang mempromosikan gaya hidup sihat.

Sementara itu, Dr. Mohamad Farhan Mohamad Mohsin menyifatkan program itu memartabatkan sukan berbasikal yang ideal untuk kesihatan mental fizikal di samping menjadi platform bertukar pendapat dengan peserta lain.

Farhan amat meminati kayuhan untuk menerokai trail lasak di samping membuktikan kemampuan diri untuk mengharumkan nama UUM.

“Laluan sangat sukar penuh debaran, licin, lasak, selekoh tajam yang terpaksa dilalui sehingga ada yang terjatuh dalam selut dengan kemampuan *rider* yang berentap menampilkan saingan sengit yang sangat mantap.

“Alhamdulillah, saya bersyukur dengan kemenangan yang tidak dijangka apabila berada di tempat ke-9 bagi kategori Institut Pengajian Tinggi selain dapat membina *networking*, kenalan baru dan menjalani latihan bersama ahli UUMCC,” luahnya.

Manakala Nor Azni Ahmad berkata, penggemar sukan berbasikal berpeluang menyaksikan keindahan alam merentasi kawasan bukit bukau dan hutan menghijau sebagai bukti kebesaran Allah.

“Kayuhan menjadi acara yang dinanti-nantikan penggemar sukan berbasikal sambil menyaksikan keindahan alam semulajadi yang menghijau selain beramah mesra dengan peserta dan penduduk.

“Suasana di kampung ini yang tenang dan pemandangan yang cantik benar-benar membuatkan kami terpegun dengan ciptaan Tuhan,” ujarnya dari Jabatan Bendahari.

Selain itu katanya, kayuhan ini menjadi aktiviti tahunan UUMCC dalam meningkatkan kesihatan di samping mendekati masyarakat Sik yang peramah dan mudah mesra.

“Kami sungguh teruja dengan sambutan yang diberikan, setiap kali kami berhenti, penduduk mendekati kami untuk bergambar dan bertanya khabar, walaupun penat kami tetap melayan mereka dengan mesra,” ceritanya.

Jelasnya, kembara ini banyak menggunakan kekuatan kaki dan stamina yang mantap, di sinilah teruji ilmu dan kemahiran yang dipelajari selain kerjasama padu yang membakar semangatnya untuk menyempurnakan misi.

“Risiko jatuh, cedera, berlanggar sesama sendiri boleh dielakkan dengan teknik kayuhan yang betul, stamina yang kuat, sihat tubuh badan, mengekalkan jarak selamat, kayuh dengan tenang,” pesannya.

Sepanjang kayuhan terserlah sikap kerjasama, muafakat, berdikari, dan disiplin yang tinggi kerana berbasikal memerlukan seseorang itu mematuhi peraturan yang melibatkan keselamatan peserta dan pengguna jalan raya.

“Kami berjaya menamatkan kayuhan dengan menimba pengalaman berharga yang mempamerkan semangat setiakawan yang tinggi tatkala berdepan situasi mencemaskan seperti rantai putus, rosak dan masalah teknikal,” ulasnya.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.